

Bernama

Kuala Lumpur

3 negeri masih terjejas

Selangor catat jumlah mangsa banjir tertinggi ditempatkan di lima PPS

Tiga negeri iaitu Selangor, Perak dan Kedah masih terjejas banjir dengan 1,630 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) semalam.

Di Selangor, jumlah mangsa banjir kekal tinggi dengan 858 orang daripada 274 keluarga yang ditempatkan di lima PPS membabitkan dua daerah di negeri itu.


Menurut kenyataan Smart Selangor Command Centre (SSCC), bagi Kuala Selangor, jumlah mangsa di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang kekal 604 orang daripada 167 keluarga, SK Jaya Setia (48 mangsa daripada 15 keluarga), SK Ijok (70 mangsa daripada 47 keluarga) dan SK Pasangan (132 mangsa daripada 44 keluarga).

Bagi Gombak pula, empat mangsa daripada sebuah keluarga masih ditempatkan di PPS Balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Matang Pagar.

Di Perak, hujan lebat lewat petang kelmarin di sekitar bandar raya Ipoh menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir kilat dengan kawasan teruk terjejas adalah di Medan Gopeng dan Sungai Rokam.

Berikutan itu, 26 orang dipindahkan ke PPS di Dewan Orang Ramai Sungai Rokam, sekali gus menjadikan daerah Kinta sebagai terbaharu di Perak dilanda banjir kilat.

Menurut jurucakap Jabatan



PENTERNAK ikan sangkar, Mohammad Mohd Daud dibantu isterinya, Habibah Ibrahim memeriksa tal kabel besi supaya tidak hanyut di Kampung Baru Pulau Keladi, Pekan.

Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri Perak, setakat pagi semalam, 668 mangsa banjir masih berada di tujuh PPS, meningkat berbanding 637 semalam.

Bagi banjir di daerah Kerian, seramai 277 masih berada di dua PPS iaitu SK Changkat Lobak (149), manakala SK Parit Haji Aman (128) dan Manjung, 83 orang masih ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat Padang Serai.

Angka banjir di Hilir Perak kekal 282 seperti semalam dengan 230 orang di SK Changkat Jong, SK Dato' Yahya Subban (51) manakala Dewan Orang Ramai Sungai Klah Baru (1) dan cuaca di semua kawasan terjejas dilaporkan cerah.

Di Kedah, mangsa banjir kekal 104 mangsa daripada 32 keluarga membabitkan satu daerah iaitu Pendang dan kesemua mangsa ditempatkan di satu pusat pemindahan iaitu Dewan Cenderawasih.

Bagaimanapun, menurut Pegawai Daerah Pendang merangkap Pengerusi Pengurusan Bencana daerah Syed Khairul Anuar Syed Abidin, keadaan cuaca yang semakin baik dan paras air Sungai Pendang semalam menunjukkan trend penurunan kepada 2.79 meter memungkinkan keadaan bertambah baik.



ANGGOTA bomba melakukan pemeriksaan dan ujian peralatan ke atas aset jabatan sebagai persiapan menghadapi banjir di Kota Kinabalu.